



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel : 603-61262020 No Faks : 603-61383650 Email : fama@fama.gov.my

SIARAN MEDIA

JAMINAN SEKURITI MAKANAN TERUS DIPERKUKUH KE PASARAN GLOBAL DEMI KELESTARIAN KELUARGA MALAYSIA

SERDANG, 8 Ogos 2022 – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) pada hari ini telah menganjurkan Majlis Pemeteraian Kerjasama Strategik Anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sempena MAHA 2022 di pentas utama Dewan A, MAEPS, Serdang.

Pemeteraian Kerjasama Strategik tersebut melibatkan empat memorandum yang disaksikan oleh YB Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian & Industri Makanan.

Majlis ini menunjukkan kerjasama yang jitu antara MAFI dan MITI dalam membantu para usahawan menembusi pasaran global dan seterusnya dapat meningkatkan imej produk keluaran usahawan tempatan setanding dengan jenama pasaran global.

Hasil pemeteraian empat memorandum hari ini telah berjaya menghasilkan nilai RM451 juta termasuk padanan perniagaan.

MAFI melalui FAMA sentiasa membantu para usahawan dalam menerokai ruang eksport yang tersedia bagi menggalakkan usahawan PKS Malaysia untuk menceburi bidang pengeksporan yang memiliki potensi pasaran yang lebih luas.

Ini juga menunjukkan hasil peranan FAMA dalam menyediakan khidmat nasihat dan bimbingan eksport kepada usahawan PKS atau bakal pengeksporn serta mengatur sesi padanan perniagaan (*Business Matching*) di antara usahawan PKS Malaysia bersama pengimport berpotensi.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) FAMA memberi fokus kepada pembangunan agen pemasar di luar negara dalam usaha mempertingkatkan dan memperkukuhkan pasaran eksport produk agromakanan Malaysia di peringkat global.

Melalui kaedah ini, agen yang dilantik bertanggungjawab untuk melaksana aktiviti risikan pasaran, mengenalpasti ruang pasaran baru serta melaksana program promosi di destinasi eksport terpilih. Mereka juga akan mengenalpasti produk yang berpotensi untuk menembusi sesuatu pasaran serta penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi mematuhi syarat dan peraturan pihak berkuasa makanan di destinasi eksport.

Ekspo Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia 2022 (MAHA 2022) sedang berlangsung pada 4 Ogos hingga 14 Ogos 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang.

Tema penganjuran MAHA 2022 tahun ini iaitu 'Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan' bertepatan dengan cabaran yang sedang dihadapi negara dan global ketika ini. Pihak MAFI juga menyasarkan hasil jualan melebihi RM250 juta dengan kunjungan 100 ribu orang setiap hari.

FAMA terlibat secara langsung dalam penganjuran MAHA 2022 di dalam beberapa kluster iaitu Empayar Makanan yang akan menyajikan makanan Keluarga Malaysia, Castle of Fruit pula akan mempromosikan fruit of the event iaitu Keluarga Artocarpus seperti Cempedak, Nangka, Nangchem dan Sukun serta kluster Agrotrade, Food Truck Fiesta.

#####

Disediakan oleh:

**Cawangan Komunikasi Korporat FAMA Ibu Pejabat
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
8 Ogos 2022**